



TRANSKRIP TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

BERSEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA TKSUK JPM
BULAN SEPTEMBER 2019**

**TARIKH : 25 SEPTEMBER 2019
MASA : 8.30 PAGI
TEMPAT : AUDITORIUM PERDANA
BLOK B1, KOMPLEKS JPM**

“PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN”

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis,

Yang Berusaha Encik Mohammad bin Ismail,

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Kewangan) JPM,

Yang Berusaha Puan Roziah binti Abudin,

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) JPM,

Yang Berusaha Encik Rezuoi bin Abdullah,

Setiausaha Bahagian, Bahagian Audit Dalam selaku penganjur perhimpunan kita pada hari ini.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran Pengarah, Institut Kajian Etnik (KITA) dari Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu **Yang Berbahagia Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri bin Baharuddin** selaku penceramah jemputan pada hari ini.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat berkumpul pada hari ini dalam majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi bulan September 2019 bersamaan bulan Muharram 1441H. Tema yang telah dipilih pada bulan ini adalah “Perpaduan Dalam Kepelbagaian”.
2. Sebagaimana sesi hebahan maklumat sebentar tadi, beberapa orang pegawai telah bertukar keluar dari Jabatan/Agensi JPM sepanjang bulan September 2019 ini. Saya ingin mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada semua pegawai tersebut kerana telah bekerja bersungguh-sungguh dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab sepanjang tempoh bertugas di JPM. Saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan terus memberikan khidmat bakti yang lebih cemerlang walau di mana jua tuan-tuan dan puan-puan berkhidmat.
3. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada warga kerja baharu di JPM. Semoga tuan-tuan dan puan-puan dapat menggalas amanah dan tanggungjawab baharu di JPM dengan komited untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada *stakeholders* dengan menekankan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme yang tinggi.

4. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Bahagian dan warga JPM yang telah menerima pelbagai anugerah:
 - i. Anugerah Penjawat Cemerlang Bulanan;
 - ii. Anugerah Peminjam Paling Aktif Perpustakaan JPM; dan
 - iii. Anugerah Most Active Department Lending Books @Perpustakaan JPM.
 - iv. Pertandingan ucapan kreatif Aspirasi Sayangi Malaysiaku
5. Semoga anugerah yang diterima ini akan memberikan semangat dan motivasi kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk melaksanakan tugas seharian dengan lebih cemerlang, dan seterusnya menjadi pendorong kepada warga JPM yang lain untuk meningkatkan usaha dan komitmen masing-masing bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan di JPM.
6. Saya menyeru dan menasihatkan supaya kita mempunyai cita-cita untuk menjadi contoh kepada rakan kita atau orang lain di sekitar dalam apa jua bidang yang boleh menjadi ikutan, motivasi, inspirasi dan teladan yang baik.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN

7. Sebagaimana tema yang telah dipilih pada hari ini, kebanyakan ahli akademik terdahulu mendefinisikan perpaduan sebagai satu

proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan tanah air. Manakala semua agama amat menitik beratkan toleransi, persaudaraan dan nilai moral yang tinggi dalam kehidupan seharian.

8. Menurut Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Siddiq Fadzil, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, di Malaysia, kepelbagaian umat disatukan dalam satu ikatan berteraskan identiti negara seperti Rukun Negara, Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, sistem demokrasi, raja berperlembagaan, dasar ekonomi dan lain-lain bentuk persepakatan. Unsur kepelbagaian mengenai bangsa dan agama turut dinyatakan di dalam kitab suci Al-Quran melalui surah Al-Hujraat ayat 13 yang menyatakan, penciptaan manusia dalam pelbagai bangsa dan suku bertujuan supaya mereka dapat mengenali antara satu sama lain.

9. Pada masa kini, peranan untuk memupuk perpaduan semakin mencabar dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Menurut Yang Berbahagia Datuk Hassan Mohd. Noor, Penolong Pengarang Utusan Malaysia, isu-isu sensitif berkaitan kaum dan agama dengan mudah dizahirkan di laman sosial sama ada dalam bentuk kata-kata, tulisan, lukisan, lakaran, karikatur dan simbol yang boleh menguris perasaan dan menimbulkan kemarahan kaum lain. Oleh itu, kebebasan bersuara hendaklah digunakan dengan adil dan saksama, bijaksana serta penuh rasa tanggungjawab. Perpaduan dapat diperkukuhkan sekiranya kita saling hormat-menghormati dan tahu

batas-batas sensitiviti agama, budaya dan kaum bangsa-bangsa lain.

10. Puan Janie Tan Poo Choo, seorang pegawai tadbir kluster, Kluster Kecemerlangan Bahasa di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dalam penulisannya menyatakan setiap bangsa mempunyai bahasa, kebudayaan dan kepercayaan yang berlainan. Justeru itu, setiap bangsa akan mengamalkan ciri-ciri yang menunjukkan identiti diri dan kecemerlangan bangsa mereka. Setiap kepelbagaian bangsa, agama dan budaya seharusnya terus diraikan dengan mengizinkan setiap bangsa kekal dengan jati diri masing-masing.
11. Malaysia memerlukan masyarakat yang matang, berilmu, bekerja keras dan mementingkan perpaduan bagi menyokong pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Untuk itu, jati diri dan patriotisme semua golongan adalah amat penting bagi memastikan masa depan Malaysia yang lebih cemerlang.
12. Konsep perpaduan ini juga boleh dipanjangkan dalam konteks organisasi kita. Jika kita lihat JPM adalah satu Jabatan yang banyak agensi-agensi di bawahnya iaitu sebanyak 56 agensi. Di dalam 56 agensi ini mempunyai pelbagai fungsi, tanggungjawab dan amanah yang perlu dilaksanakan. Terdapat juga pelbagai skim dan fungsi perkhidmatan tetapi bergerak sebagai satu organisasi yang besar. Dalam menjayakan fungsi yang dipertanggungjawabkan ini, seharusnya kita bekerjasama dalam menghasilkan yang terbaik walaupun terdapat kepelbagaian latar belakang.

13. Jadi kita tidak asing sebenarnya dalam mengurus kepelbagaian dan kita boleh terus mencapai matlamat untuk kita bersatu padu menghasilkan dan menjana produktiviti seperti mana yang dihasratkan supaya amanah ini dapat dilaksanakan dan disampaikan kepada rakyat dengan cara yang terbaik. Sama-sama lah kita meneruskan usaha untuk memastikan perpaduan kita dalam aspek kehidupan dapat dilaksanakan dan diteruskan

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2021 – 2030

14. Pada 14 September yang lepas, Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Khas Jemaah Menteri mengenai Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030 dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berlandaskan ekonomi yang terus berkembang pesat.
15. Jemaah Menteri yang bersidang telah bersetuju menjadikan wawasan ini sebagai dasar baharu yang memacu pertumbuhan yang mampan, berteknologi tinggi, inklusif dan menjamin pengagihan yang adil dan saksama bagi merapatkan sosioekonomi rakyat. Untuk itu, tumpuan akan diberikan kepada sumber pertumbuhan baharu yang merangkumi ekonomi digital, industri aeroangkasa, pertanian pintar dan perkhidmatan sokongan untuk Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0).

16. Wawasan ini juga bermatlamat untuk menyediakan taraf hidup yang makmur kepada semua rakyat menjelang 2030 dengan harapan akan menyuburkan perpaduan dalam kalangan rakyat melalui perapatan jurang ekonomi di antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rangkaian bekalan bagi memastikan nasib semua rakyat terbela dan tiada yang ketinggalan di dalam arus kemajuan negara.
17. Terdapat tiga (3) jurang pendapatan dalam negara ini yang telah dinyatakan oleh Perdana Menteri iaitu jurang pendapatan antara negeri kaya dan negeri miskin, jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar dan jurang ketiga adalah jurang antara golongan kaya dan miskin. Justeru itu jurang tersebut akan dikurangkan melalui pewujudan program – program yang akan dilaksanakan melalui wawasan ini.
18. Sebagai penjawat awam, tugas merapatkan jurang ekonomi ini sudah pastinya terletak di bahu kita bagi menjayakan perancangan pucuk pimpinan.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

19. Dalam bulan September ini, tiga minggu berturut-turut penjawat awam telah menikmati cuti umum yang jatuh pada hari Isnin. Saya berharap semoga cuti tersebut telah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya bersama keluarga, sanak-saudara dan rakan taulan dalam

suasana yang menyeronokkan supaya dapat mengeratkan hubungan sesama insan.

SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN

20. Pada 31 Ogos 2019 yang lalu, sambutan Hari Kebangsaan yang ke 62 telah disambut dengan meriah sekali di seluruh negara dengan tema “Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih”. Tema ini dipilih bagi menekankan kepentingan perpaduan serta semangat cintakan negara demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama, selain dapat memupuk dan menyalakan nilai integriti serta jati diri rakyat Malaysia khususnya dalam menolak amalan rasuah.
21. YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dalam ucapan beliau sempena Hari Kebangsaan berharap agar semua rakyat Malaysia, tidak kira apa agama, bangsa dan budaya agar dapat mencari semangat setiakawan dan kenegaraan dalam diri masing-masing.

SAMBUTAN HARI MALAYSIA

22. Pada 16 September 2019 pula, sambutan Hari Malaysia peringkat kebangsaan telah diadakan di negeri Sarawak dan disambut dengan matlamat untuk memperingati rakyat tentang kepelbagaian etnik dan budaya di negara kita yang menjadikan Malaysia *truly* Asia.
23. YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dalam ucapannya menyatakan 16 September adalah hari ulang tahun Negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Tanah Melayu dalam membentuk

Malaysia. Tanggungjawab rakyat Malaysia adalah untuk mempertahankan perpaduan dan kepelbagaian supaya dapat mencerminkan kebolehan *unity in diversity* walaupun terbahagi kepada ramai bangsa dan suku kaum.

HARI KEPUTERAAN YANG DI PERTUAN AGONG

24. Sempena dengan Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong seramai 795 individu telah menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan daripada Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Saya ingin merakamkan tahniah kepada penerima Darjah Kebesaran ini dan antaranya adalah:

- i) Ketua Setiausaha Negara – Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ismail Bakar.

Dianugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Mangku Negara (P.M.N) yang membawa gelaran 'Tan Sri'.

- ii) Ketua Pengarah Unit Penyelarasan (ICU) JPM – Yang Berusaha Encik Nor Azri Zulfakar; dan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) - Yang Berusaha Encik Azhar bin Azizan @ Harun.

Dianugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N) yang membawa gelaran 'Datuk'.

iii) Ketua Pegawai Istiadat Kerajaan, Bahagian Istiadat dan Urus setia Persidangan Antarabangsa – Yang Berusaha En. Rozainor Bin Ramli.

Dianugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Setia Diraja (P.S.D) yang membawa gelaran ‘Datuk’.

25. Yang Di-Pertuan Agong dalam titahnya mengingatkan rakyat tidak memeralat isu sensitif dan mencetuskan polemik politik sehingga menggugat perpaduan serta keamanan negara. Setiap rakyat dijanjikan hak kebebasan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan, namun kebebasan mestilah tidak melangkaui nilai-nilai asas perpaduan negara.
26. Perdana Menteri di dalam ucapannya sempena Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong pula menyatakan umumnya rakyat negara ini percaya bahawa perpaduan yang merentasi batas etnik dan agama adalah penting untuk menjadikan Malaysia baharu yang harmoni dan aman damai. Rakyat juga kini semakin matang dalam menghadapi ancaman-ancaman yang mampu memecah belahkan perpaduan.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

PERANAN BAHAGIAN AUDIT DALAM

27. Seperti bulan-bulan sebelumnya, bulan September merupakan giliran Bahagian Audit Dalam menjadi tuan rumah kepada perhimpunan bulanan ini. Bahagian ini berperanan untuk mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam.
28. Dalam proses memperkukuhkan tadbir urus, Jabatan Audit Negara dan Bahagian Audit Dalam memainkan peranan melalui pengauditan yang dijalankan dan khidmat nasihat yang diberikan. Hasil pengauditan dan penemuan yang dibangkitkan serta syor penambahbaikan hendaklah diberi perhatian serius dan diambil tindakan oleh semua pihak pengurusan dan pelaksana bagi meningkatkan prestasi sistem penyampaian perkhidmatan awam.
29. Untuk makluman semua, terdapat dua bentuk teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara iaitu teguran *corrective* yang melibatkan penambahbaikan sistem dan prosedur serta teguran punitif yang melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian dalam pelaksanaan tugas.

30. Mengikut status yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sehingga 4 September 2019, seramai 240 orang penjawat awam telah dikenakan dengan berbagai-bagai hukuman susulan tindakan yang telah diambil berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2012 sehingga 2017. Ini menunjukkan keseriusan pihak berwajib dalam mengambil tindakan terhadap salah laku yang telah dilakukan oleh penjawat awam dalam melaksanakan tugas mereka.

31. Saya berharap agar semua Ketua Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri dapat memberikan komitmen yang tinggi secara konsisten dalam memastikan kawalan dalaman di Jabatan masing-masing berada pada tahap yang cemerlang. Semoga dengan kerjasama semua pihak akan dapat menyumbang kepada kejayaan dan kecemerlangan di Jabatan Perdana Menteri ini.

32. Saya ingin menyeru dan menasihatkan supaya urusan pengauditan ini dilihat sebagai satu proses penambahbaikan dan bukannya proses mencari kesalahan mana-mana pihak. Saya juga berharap kita semua memberi kerjasama kepada pasukan audit semasa melaksanakan proses pengauditan dan seterusnya melaksanakan penambahbaikan terhadap penemuan serta teguran yang dilaporkan di dalam laporan pasukan audit tersebut termasuk di dalam Laporan Ketua Audit Negara.

33. Kita hendaklah beriltizam agar tidak menjadi penyumbang kepada teguran,kelemahan, kecacatan, kesalahan dan kekurangan yang terkandung di dalam Laporan Ketua Audit Negara. Saya juga telah mencadangkan supaya satu seminar bagi memperhalusi dan mendalami bentuk-bentuk kelemahan dan risiki-risiko yang boleh dijadikan panduan untuk kita pada masa akan datang supaya perkara-perkara yang tidak diingin tidak berlaku dalam organisasi kita.

PENUTUP

34. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan perhimpunan pada pagi ini. Marilah kita bersama-sama memupuk semangat perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa, bahasa, agama dan budaya. Harapan saya agar kita semua sentiasa menghayati pentingnya erti sebuah kemerdekaan dan bersama-sama mempertahankan perpaduan negara kita yang tercinta ini.
35. Semoga bertemu lagi pada perhimpunan yang akan datang.

Wabillahittaufik walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.